

19/10/1999

## Negara pulih tanpa beban hutang

Khaidir Abdul Majid in Singapura

SINGAPURA, Isnin - Pemulihan ekonomi Malaysia, walaupun berlaku seiring dengan negara Asia lain, agak berbeza kerana ia dilaksanakan tanpa membebankan generasi akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata walaupun semua negara Asia yang terjejas dengan krisis ekonomi 1997-1998 sudah menunjukkan pemulihan menakjubkan, pemulihan di Malaysia dilaksanakan tanpa negara menanggung beban hutang besar yang kemudian ditanggung generasi akan datang.

"Kita juga mencatat pemulihan menakjubkan (sama seperti negara Asia lain). Tetapi kita mencapainya tanpa menanggung hutang besar kepada IMF (Tabung Mata Wang Antarabangsa) atau mana-mana pihak lain dan tanpa membebankan generasi akan datang dengan pembayaran semula hutang yang tinggi.

"Kita mencapai pemulihan yang baik tetapi ia dilaksanakan tanpa perlu menggadai barang kemas milik keluarga dan juga harta pusaka kita," katanya di Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur Kelapan, anjuran bersama Forum Ekonomi Dunia (WEF) dan Lembaga Pembangunan Ekonomi Singapura, di sini hari ini.

Beliau menekankan pemulihan ekonomi Malaysia juga dicapai tanpa syarikat penting yang sudah memakan masa satu generasi untuk dibangunkan dilelong kepada orang asing pada harga yang rendah.

Selain itu, negara turut mencapai pemulihannya dengan mengekalkan tahap guna tenaga yang penuh. Malah, tanpa terpaksa menghalau keluar 1.5 juta pekerja asing.

Negara juga berjaya melaksanakannya tanpa terpaksa mengorbankan persekolahan anak-anaknya, tanpa menghancurkan golongan pertengahan, tanpa mengorbankan usahawannya dan tanpa pertumpahan darah dan kekalutan politik, kata Dr Mahathir.

Katanya, Malaysia juga mencapainya tanpa terpaksa tunduk kepada mana-mana pihak. Perkara itu mungkin adalah remeh untuk sesetengah pihak tetapi bagi rakyat Malaysia soal berkenaan adalah sesuatu yang dianggap penting" katanya.

"Saya tidak mahu terbabit dalam kegiatan mengutuk IMF.

"Mungkin saya silap, tetapi saya yakin jika Malaysia menerima bantuan IMF seperti yang beberapa kali cuba dipaksakan kepada kita, Malaysia akan dipaksa melakukan langkah yang akan bukan hanya menghancurkan ekonominya, menghancurkan ekonomi penduduk asalnya, bukan hanya struktur politik Malaysia tetapi juga menghancurkan keseluruhan negara dan masyarakatnya seperti yang kita mengenali sekarang," katanya.

Ucapannya selama 45 minit itu yang bertajuk Ke Arah Pemulihan Asia: Cabaran untuk mengambil Sikap Pragmatik, disambut dengan tepukan gemuruh oleh hadirin yang penuh sesak di dewan Pusat Persidangan dan Pameran Singapura Suntec City itu.

Dr Mahathir menegaskan bahawa kejayaan negara Asia pada masa depan akan terus bergantung kepada sikap pragmatiknya iaitu melaksanakan sesuatu yang berkesan untuk ekonomi dan masyarakatnya yang unik.

(END)